

25/01/1998

Urus niaga bank dalam dolar AS

ALKISAHNYA, teman terkejut apabila beberapa pembaca menelefon untuk beritahu mereka boleh mengeluarkan wang simpanan mereka dalam dolar Amerika daripada sebuah bank di negara ini.

Menurut pembaca yang buat panggilan, mereka boleh menyimpan dan mengeluarkan wang dalam dolar Amerika. Ini bererti urus niaga di bank itu boleh dilakukan dalam dolar Amerika.

Tak perlulah teman namakan bank itu. Cuma untuk pastikan kesahihan dakwaan pembaca, teman telefonlah bank berkenaan. Maka dijawab oleh suara lunak pegawai wanitanya.

Katanya: "Customer cannot withdraw in US currency. Customer hanya boleh masuk deposit dalam US currency dalam fixed deposit saja with minimum saving US10,000. Barulah boleh withdraw in US currency".

Barangkali ada sedikit perbezaan antara rungutan pembaca dan penjelasan pegawai bank itu. Tetapi soal asasnya ialah bolehkah urus niaga dilakukan dalam mata wang asing?

Setakat yang teman tahu, Bank Negara ada keluarkan kenyataan yang menjelaskan bayaran yang dibuat antara rakyat negara ini mesti dalam ringgit dan tidak dalam mata wang asing.

Kalau tak silap teman, mengikut Akta Kawalan Tukaran Wang 1953 dan Notis Kawalan Tukaran Wang, ECM 4, setiap pembayaran antara pemastautin negara ini mesti dibuat dalam ringgit.

Jadi, bagaimana bank ini boleh melakukan urus niaga sedemikian. Dan untuk apa? Teman serahkan soal ini kepada pihak yang arif. Semoga mereka ambil tindakan.

Teman tertarik juga dengan teguran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada syarikat tempatan yang mengenakan bayaran dalam dolar Amerika kepada pelanggan mereka secara berterusan. Katanya, ia boleh memberi masalah kepada negara.

Menurut Perdana Menteri, sikap peniaga yang mementingkan keuntungan semata-mata itu boleh menyebabkan nilai ringgit terus jatuh dan lama-kelamaan rakyat terpaksa menggunakan mata wang asing dalam semua urus niaga.

Jika itu berlaku, kita akan menghadapi masalah yang amat besar.

Memang ada syarikat pembekal tempatan yang enggan menerima bayaran dalam ringgit, sebaliknya memberi invois kepada pembeli tempatan dalam nilai dolar. Cuma yang kita tidak faham ialah mengapa pembekal tempatan mahu mengenakan bayaran dolar bagi urus niaga dalam negara sedangkan ringgit adalah jelas termaktub dalam undang-undang negara sebagai mata wang yang sah diperlakukan.

Jika pembekal berkenaan mahukan dolar Amerika, bukankah mereka boleh menukarkan ringgit dalam mata wang negara itu mengikut nilai tukaran semasa?

(END)